


SEMINAR PENTERJEMAHAN KEBANGSAAN



Pengalaman dan Cabaran Mutakhir Penterjemahan di Malaysia

Tarikh / Hari: 27 Mac 2021 / Sabtu

Pelantar: Google Meet / Streamyard

Masa: 8.30 pagi – 5.00 petang

Anjuran Bersama: IUM Press

Jabatan Perpustakaan dan Sains Maklumat KICT, UIAM

Institut Terjemahan & Buku Malaysia

Persatuan Penterjemah Malaysia

Perpustakaan Kuala Lumpur



KATA-KATA ALUAN PENGURUS JAWATANKUASA SEMINAR KEBANGSAAN PENTERJEMAHAN

Roosfa Hashim

Assalamualaikum w.r.t.

Kepada semua pembentang kertas kerja dan peserta Seminar Kebangsaan Penterjemahan, saya mengucapkan selamat datang. Semoga seminar ini akan menjadi pentas bagi perbincangan dan pertukaran pengalaman sesama penterjemah, para pensyarah dan pelajar bidang penterjemahan di negara ini.

Sekretariat seminar telah memilih tema “Pengalaman dan Cabaran Mutakhir Penterjemahan di Malaysia” bagi membolehkan kita sama-sama membincangkan masalah yang sedang melanda bidang ini. Kita sedia maklum bahawa bidang penterjemahan pada masa ini berdepan dengan pelbagai isu, masalah dan cabaran khususnya yang berkaitan dengan amalan penterjemahan dalam persekitaran elektronik, digital dan maya.

Hari ini kebanyakan alat dan perkakas penterjemahan seperti kamus, penyemak ejaan, penyemak nahu, enjin pencarian dan pelbagai kemudahan lain tersedia dalam internet. Akan tetapi, itu tidak bermakna kerja terjemahan boleh diserahkan bulat-bulat kepada mesin dan robot yang ada di dalam internet.

Sehubungan dengan itu beberapa objektif telah ditetapkan bagi seminar ini. Antara lain ialah bagi menyediakan ruang perbincangan kepada kita semua yang terlibat dalam dunia penterjemahan, bagi melahirkan lebih ramai penterjemah berkemahiran tinggi dan meningkatkan jumlah buku terjemahan di negara ini bagi menggalakkan tabiat membaca.

Dalam seminar ini kita berpeluang mengikuti pembentangan tiga ucapnama daripada tokoh yang terlibat secara langsung dengan bidang ini. Mereka ialah Presiden Persatuan Penterjemah Malaysia, Prof. Emeritus Dr. Abdullah Hassan, Encik Sakri Abdullah selaku Ketua Pegawai Eksekutif Institut Terjemahan dan Buku Malaysia dan Prof. Dr. Roslina Othman, Ketua Jabatan Perpustakaan dan Sains Maklumat, Kulliyah ICT, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Seramai kira-kira tiga ratus orang telah mendaftar sebagai peserta dalam seminar ini. Sebanyak hampir 20 kertas kerja telah terpilih untuk dibentangkan dalam seminar ini sebagaimana yang tertera dalam buku program ini. Daripada pembentangan dan sesi soal jawab yang bakal diadakan nanti adalah diharapkan suatu resolusi akan dapat dihasilkan daripada seminar ini.

Selepas ini insya-Allah, IIUM Press akan menghimpunkan semua kertas kerja untuk disunting dan diterbitkan pada tahun ini juga. Buku ini akan memberi sumbangan memperkayakan korpus ilmu bidang penterjemahan di negara ini.



Akhir kata, yang kurik kendi, yang merah saga, yang baik itu budi, yang indah itu bahasa. Saya ingin merakamkan ucapan setinggi terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan pelbagai bentuk bantuan dalam menjayakan seminar ini. Ini terutamanya kepada Y. Bhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak, Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang sudi menyampaikan ucapan perasmian bagi seminar ini. Beliau juga adalah orang yang paling kuat menyokong penganjuran seminar ini selain telah mencetuskan idea bagi melaksanakan projek penerbitan buku terjemahan di IIUM Press.

Selain itu, saya juga mesti mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan kerabat dalam dunia penterjemahan termasuk Persatuan Penterjemah Malaysia melalui Presidennya Prof. Emeritus Dr. Abdullah Hassan, Encik Sakri Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif Institut Terjemahan dan Buku Malaysia, Prof. Dr. Roslina Othman, Ketua Jabatan Perpustakaan dan Sains Maklumat, Kulliyyah ICT, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Puan Rosidah Ismail, Pengarah Perpustakaan Kuala Lumpur dan Sekretariat KLBBC2020.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada ahli jawatankuasa seminar ini dan semua warga kerja saya di IIUM Press.

Selamat berseminar.

Roosfa Hashim

Pengerusi Jawatankuasa Seminar Kebangsaan Penterjemahan



KATA-KATA ALUAN REKTOR UIAM

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak

Assalamualaikum w.r.t.

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, selawat dan salam buat junjungan abadi Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan seluruh Sahabat baginda.

Pandemik Covid19 benar-benar memberikan impak terhadap segenap aspek kehidupan kita sebagai seorang insan. Namun sesuai dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Oleh itu, maka (tetapkanlah kepercayaanmu) bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan, (5) (Sekali lagi ditegaskan): Bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan. (6)” (Surah al-Sharh 94: 5-6)

Allah SWT mentakdirkan kita untuk mendepani proses ini, justeru semoga setiap daripada usaha kita mengatasinya dinilai sebagai kebajikan di sisi-Nya.

Sebagai penterjemah dan penerbit karya-karya terjemahan yang merupakan jambatan pembangunan sebuah tamadun dan peradaban manusia, sudah pasti ujian ini meninggalkan kesan yang tersendiri.

Justeru seminar ini diharapkan dapat merakam dan dijadikan rujukan pada masa depan bagaimanakah para penterjemah dan penerbit menghadapinya.

Saya mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menganjurkan seminar khususnya IIUM Press, Jabatan Perpustakaan & Sains Maklumat (UIAM), Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM), Persatuan Penterjemah Malaysia (PPM), Perpustakaan Kuala Lumpur, Sekretariat KLWBC2020 dan semua pihak yang terlibat sama ada sebagai pembentang ataupun peserta.

Selamat berseminar, terima kasih.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak

Rektor

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)



PENGENALAN

Bersempena dengan Kuala Lumpur World Book Capital 2020 (KLWBC2020), IIUM Press telah melaksanakan Projek Buku Terjemahan IIUM sejak Jun 2019 dengan matlamat untuk menterjemah dan menerbitkan buku dari pelbagai negara dan bahasa bagi menyediakan lebih banyak bahan bacaan kepada semua peringkat umur. Projek ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Dr. Santhara J.P., Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan pada 27 Ogos 2020 di Mayor's Courtyard, Jalan Tangsi KLWBC2020, Kuala Lumpur. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah bengkel terjemahan, sesi bual bicara buku dalam talian dan jerayawara IIUM Press. Penganjuran aktiviti ini telah menunjukkan kemampuan penterjemah untuk menterjemahkan buku dalam pelbagai genre dan bahasa. Seminar ini akan diadakan dalam bentuk kertas pembentangan kertas kerja mengikut sesi yang ditetapkan dan para peserta diberi peluang untuk sesi soal jawab. Sebuah buku hasil daripada pembentangan ini juga akan diterbitkan oleh IIUM Press.

TEMA

“Pengalaman dan Cabaran Mutakhir Penterjemahan di Malaysia”

OBJEKTIF

- i. Untuk menyediakan pentas kepada penterjemah untuk berdebat, bertukar pendapat dan berkongsi idea, pengetahuan, pengalaman dalam kerja-kerja penterjemahan bagi meningkatkan kualiti terjemahan.
- ii. Untuk melahirkan lebih ramai penterjemah yang mempunyai kemahiran terjemahan merangkumi semua aspek pengetahuan dalam bidang terjemahan.
- iii. Untuk menggalakkan penerbitan karya terjemahan dalam pelbagai genre sebagai bahan bacaan kepada masyarakat dan pasaran global.

SKOP PEMBENTANGAN

- Terjemahan dan budaya
- Terjemahan dan etika
- Teknologi terjemahan
- Terjemahan cerita rakyat
- Terjemahan buku agama
- Terjemahan biografi
- Tema - tema lain yang berkaitan dengan bidang penterjemahan



ATUR CARA SEMINAR

SEMINAR PENTERJEMAHAN KEBANGSAAN (SPK)

“Pengalaman dan Cabaran Mutakhir Penterjemahan di Malaysia”

27 Mac 2021 | Sabtu | 8.30 pagi – 5.00 petang

- 8.30 pagi - Persiapan dalam talian
- 9.00 pagi - Ucapan Pengacara Majlis
- Bacaan Doa oleh Dr. Youcef Nasser (IIUM Press)
- 9.10 pagi - Ucapan Aluan Pengerusi Jawatankuasa SPK
Roosfa Hashim
- 9.20 pagi - Ucapan Perasmian Rektor UIAM
Y. Bhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak
- 9.30 pagi - Ucaptama Presiden PPM
Y. Bhg. Prof. Emeritus Dr. Abdullah Hassan
Membina keputustaan melalui terjemahan
- 9.40 pagi - Ucaptama Ketua Jabatan Perpustakaan dan Sains Maklumat, UIAM
Y. Bhg. Prof. Dr. Roslina Othman
Parallel corpora and dual language books in Malay
- 9.50 pagi - Sidang 1 Cabaran & Institusi
Pengerusi Sidang:
Y. Bhg. Dr. Nor Saadah Md Nor (Jabatan Perpustakaan & Sains Maklumat, UIAM)
Pencatat:
Noor Seriyanti Zuber @ Zubir (IIUM Press)
- Penterjemahan cerita rakyat Melayu untuk kanak-kanak: Kajian kes Institut Terjemahan
Buku Malaysia dari 1993 hingga 2018
Nor Idatul Akmar Zulkipli, Haslina Haroon
- Cabaran projek buku terjemahan IIUM Press sempena KLWBC2020 dan pandemic
Covid19
Roosfa Hashim, Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi, Nik Zainun Nik Mood
- Cabaran pasca penyuntingan terjemahan mesin kepada bahasa Inggeris daripada berita
bahasa Melayu Singapura dalam laman sesawang forum
Roslindawati Haron, Mohd Azlan Ahmad
- 11.00 pagi - Sidang 2 Cabaran & Tema
Pengerusi Sidang:
Y. Bhg. Dr. Sharifah Nur Amirah Bt. Sarif Abdullah
(Jabatan Perpustakaan & Sains Maklumat, UIAM)
Pencatat:
Noor Seriyanti Zuber @ Zubir (IIUM Press)
- Priorities in translation themes in Bahasa Malaysia
Yusof Ismail, Suhaimi Mhd Sarif
- Perceived motivators and inhibitors among prospective academic translators
Suhaimi Mhd Sarif, Yusof Ismail
- An investigation of Arabic-Malay translation: problems and issues
Noor Saadah Md Noor, Sharifah Nur Amirah Sarif Abdullah,
Nur Leyni Nilam Putri Jurhum



- 12.30 tengah hari - Rehat
- 2.00 petang - Ucapan Pengerusi Seminar
- 2.05 petang - Ucaptama Pengarah Urusan ITBM
Y. Bhg. Encik Sakri Abdullah
Pengalaman mengendalikan bidang penterjemahan: Cabaran dan inisiatif serta hala tuju ITBM
- 2.15 petang - Sidang 3 Cabaran & Pengalaman
Pengerusi Sidang:
Y. Bhg. Dr. Nur Leyni Nilam Putri Junurham
(Jabatan Perpustakaan & Sains Maklumat, UIAM)
Pencatat:
Norfarhana Morad (IIUM Press)
- Pengalaman menterjemah dan menyunting karya besar dunia: Integrasi aspek logik, semantik dan pragmatik
Zahari Mahmud
- Pengalaman sulung menterjemah buku separa akademik bahasa Melayu bertemakan halal ke bahasa Inggeris: Motivai, strategi dan strategi
Yumi Zuhanis Has-Yun Hashim
- Pengalaman menterjemah cerita rakyat pelbagai negara oleh penterjemah berlatarbelakang sains dan teknologi
Ida Farah Ahmad, Roslindawati Haron, Saidatul Husna Saiful Nizam
- Terjemahan metafora dalam novel Majdulin karya Almanfaluti
Muhammad Anwar Ahmad, Nursafira Ahmad Safian
- 3.30 Petang - Sidang 4 Cabaran & Budaya
Pengerusi Sidang:
Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi (IIUM Press)
Pencatat :
Norfarhana Morad (IIUM Press)
- Pemikiran kritis dan kreatif dalam terjemahan kisah rakyat negara Jepun
Siti Inarah Hasim @ Hashim, Nurul Anuar Kari @ Khari
- Aspek budaya, sejarah dan agama dalam menterjemah Manucrypt Found in Accra ke bahasa Melayu
Irni Fazrita Farid
- Prosedur dan strategi dalam terjemahan elemen budaya Melayu ke dalam bahasa Inggeris
Haslina Haroon
- Penelitian aspek budaya dan sejarah dalam proses terjemahan Debu Hiroshima daripada bahasa Melayu ke bahasa Inggeris
Nur 'Atikah Halim Bashah
- Translation of cultural elements in Danish, Djibouti & Burmese folklores into the Malay language
Najibah Abu Bakar
- 4.50 petang - Resolusi dan Penutup
Roosfa Hashim
Pengerusi Jawatankuasa SPK
- 5.00 petang - Seminar Tamat



~ ABSTRAK ~



An investigation of Arabic-Malay translation: problems and issues

NOR SAADAH MD NOR

Kulliyyah of Information and Communication Technology, International Islamic University Malaysia
norsaadahnor@iium.edu.my

SHARIFAH NUR AMIRAH SARIF ABDULLAH

Kulliyyah of Information and Communication Technology, International Islamic University Malaysia
shnuramirah@iium.edu.my

NUR LEYNI NILAM PUTRI JUMURHAM

Kulliyyah of Information and Communication Technology, International Islamic University Malaysia
nurleyni@iium.edu.my

~ ABSTRAK ~

The aim of this research paper is to look at the various issues that may arise with Arabic translations and to find possible solutions. The translation is a delicate and subtle process, and some important issues need to be taken into account. However, translation gets more difficult from Malay to the Arabic language. Consequently, a translator must have the critical linguistic knowledge and skills in undertaking both the surface and underlying relations of language. Translation includes, among other things, the transfer and transformation of different linguistic characteristics from one language to another. In terms of vocabulary, grammar, sound, style, and usage, there is a wide variety of translations between Arabic and Malay. This paper thus focuses on the challenges of translating Arabic texts in terms of types of readership, text, context, and culture. International Phonetic Alphabet transcriptions (IPA) shall be incorporated as appropriate.

KEYWORDS

Arabic-Malay translation, Arabic-Malay translation



SENARAI JAWATANKUASA INDUK DAN KECIL



JAWATANKUASA INDUK DAN KECIL

Penaung Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak, Rektor IIUM

Pengerusi Roosfa Hashim, IIUM Press

Pengerusi Bersama Prof. Emeritus Dr. Abdullah Hassan, PPM
Prof. Dr. Roslina Othman, DLIS KICT
Pn. Rosidah Ismail, Perpustakaan Kuala Lumpur
En. Sakri Abdullah, ITBM

Penyelaras Program Nik Zainun Nik Mood, IIUM Press

Jawatankuasa Kecil Sesi Pembentangan

1. Saiful Azwan Mustapha, IIUM Press (Ketua)
2. Norhayati Yusop, IIUM Press
3. Norhanizam Abd. Hamid, IIUM Press
4. Jabatan Perpustakaan dan Sains Maklumat KICT

Jawatankuasa Kecil Logistik

1. Saiful Riza Radzali, IIUM Press (Ketua)
2. Mohamed Nadzri Mohd Daud, IIUM Press
3. Perpustakaan Kuala Lumpur

Jawatankuasa Kecil Kertas Kerja dan Penerbitan

1. Noor Seriyanti Zuber @ Zubir, IIUM Press (Ketua)
2. Norfarhana Morad, IIUM Press
3. Nur Lisa Aina Isnaruddin, IIUM Press
4. ITBM
5. Pn. Aliah Abdul Rahim, PPM

Jawatankuasa Kecil Seranta

1. Nor Farris Nor Azam, IIUM Press (Ketua)
2. Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi, IIUM Press
3. Muhammad Syahir Izzuddin Suhaيمي, IIUM Press
4. ITBM



• ANUGERAH MAPIM-KPM 2019 •



LEADING THE WAY
KHALIFAH • AMĀNAH • IQRA' • RAHMATAN LIL-ĀLĀMIN



Sekalung Tahniat

**PEMENANG
ANUGERAH
MAPIM-KPT 2019**

**Anugerah Karya Suntingan Terbaik
(Sains Sosial dan Kemanusiaan)**

Hadiah Sijil Penghargaan

Judul
**Pentafsiran Baharu
Falsafah Pendidikan Kebangsaan
dan Pelaksanaannya Pasca 2020**

Penyunting
Dzulkifli Abdul Razak dan Rosnani Hashim

Penerbit
IIUM Press



• ANUGERAH MAPIM-KPM 2019 •




LEADING THE WAY
KHALIFAH • AMĀNAH • IQRA' • RAHMATAN UL-ĀLAMĪN



Sekalung Tahniah

**PEMENANG
ANUGERAH
MAPIM-KPT 2019**

**Anugerah Buku Ilmiah Terbaik
(Sains Sosial dan Kemanusiaan)**



Hadiah Sijil Penghargaan

Judul

**Internet Content Regulation: Contemporary Legal
and Regulatory Issues in the Changing
Digital Landscape**

Pengarang

Mahyuddin Daud

Penerbit

IIUM Press



TERIMA KASIH

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah hadir dan menjayakan Seminar Penterjemahan Kebangsaan.

Pejabat Rektor, UIAM

IIUM Press

Jabatan Perpustakaan & Sains Maklumat, UIAM

Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM)

Persatuan Penterjemah Malaysia (PPM)

Perpustakaan Kuala Lumpur

Sekretariat KLWBC2020

dan

Semua pihak yang terlibat menjayakan seminar ini.

* * *

*Pulau Pandan jauh ke tengah,
Gunung Daik bercabang dua;
Hancur badan dikandung tanah,
Budi yang baik dikenang jua.*



Misi anda terhalang kerana masalah bahasa?

ITBM sedia membantu
menyelesaikannya...

4 sebab kenapa anda perlu pilih khidmat terjemahan ITBM



100+ BAHASA

ITBM boleh
menterjemah
dokumen ke dalam
hampir semua
bahasa.



SIAP SEGERA

ITBM boleh siapkan
terjemahan dalam
tempoh minimum
tiga (3) jam.

*Untuk dokumen bertemplat -
sijil akademik, kad pengenalan,
sijil lahir dan lain-lain.



PROFESIONAL

Penterjemah ITBM
ialah penterjemah
terlatih dan
berpengalaman.



DIIKTIRAF

ITBM merupakan
institut di bawah
Kerajaan Malaysia &
hasil kerja diiktiraf
secara rasmi.

PILIHAN ANDA UNTUK
TERJEMAHAN & BUKU
BERKUALITI

Hantar dokumen anda di:

[https://www.itbm.com.my/terjemahan/
salesonline@itbm.com.my](https://www.itbm.com.my/terjemahan/salesonline@itbm.com.my)







**PERNIAGAAN
NORMAHS**
000782972-U



PERNIAGAAN NORMAHS (PN) adalah merupakan sebuah syarikat “percetakan” yang dimiliki oleh 100% bumiputera. Mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang percetakan lebih daripada **30 tahun**.





Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia

010102 Bahan Bacaan	221602 Mencetak Fail, Kad Perniagaan dan Kad Ucapan
010201 Kertas	221604 Mencetak Label, Poster dan Pelekat (Plastik)
010601 Kit Pendidikan	221609 Pisah Warna (Colour separation)
010602 Bahan Pendidikan	221610 Menjilid Kulit Keras
020603 Alatulis/ Organiser, Dairi, Kalendar, Buku Alamat, Resit, Memo	221613 Menjilid Kulit Lembut
020604 Alatulis/ Tag/ Label/ Tanda dan Sticker	221614 Pengatur Huruf (Type setting)
221601 Mencetak Buku, Majalah, Laporan Akhbar	221615 Rekabentuk Percetakan (Printing Design)
221602 Mencetak Fail, Kad Perniagaan dan Kad Ucapan	222002 Media Cetak (Tidak termasuk kerja percetakan)

No. 3, 5 & 7 Jalan 12/10, Taman Koperasi Polis Fasa 1
68100 Mukim Batu, Kuala Lumpur.
T (603) 6188 8940, 6186 9863, 6187 5904
HP +60 11-2374 7413 (En. Hasyiem)
F (603) 6187 0954 E pnnormahs@gmail.com




eperolehan
(K. Kew: 357-00016713)



**“Ucapan setinggi tahniah
atas penganjuran Seminar
Penterjemahan Kebangsaan”**

ALAMEDIA

— alamedia sdn bhd (812378-P) —

CREATIVE DESIGN • PRINTING • ADVERTISING

الإبداعية تصميم وطباعة والإعلان

No 14 Jalan LP1A/5, Taman Lestari Perdana
43300 Seri Kembangan, Selangor
Tel: +603-8945 0420
E-mail: alamedia@yahoo.com



“Menawarkan percetakan yang dapat memenuhi kualiti dalam tempoh masa yang ditetapkan pelanggan dengan konsep terkini di dalam industri percetakan”



www.rekacetak.com

KOD BIDANG

010102 - BAHAN BACAAN • 221601 - MENCETAK BUKU, MAJALAH, LAPORAN AKHBAR • 221602 - MENCETAK FAIL, KAD PERNIAGAAN DAN KAD UCAPAN • 221604 - MENCETAK LABEL, POSTER DAN PELEKAT (PLASTIK)
221613 - MENJILID KULIT LEMBUT • 221614 - PENGATUR HURUF (TYPE SETTING) • 222002 - MEDIA CETAK (TIDAK TERMASUK KERJA PERCETAKAN) • 020603 - ORGANISER, DIARI, KALENDAR, BUKU ALAMAT, RESIT, MEMO
020801 - PAKAIAN • 020802 - KELENGKAPAN PAKAIAN • 020901 - BAHAN TARPULIN / CANVAS • 221615 - REKABENTUK PERCETAKAN (PRINTING DESIGN) • 222003 - BILL BOARD

✉ No. 12 & 14, Jalan Jemuju Empat 16/13D, Seksyen 16, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

☎ +603 5510 4254/4758 • 📞 +603 5510 4059 • 📧 rekacetak83@gmail.com



KARYA-KARYA TERKINI IUM PRESS






(Company No. 101067-P)

الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
يُونَيْتِيسْتِي اِسْلَامِيَّة اِنْتَرَا اِنجَسَا مِلَيْسِيَا

Garden of Knowledge and Virtue



IIUM
Press